

GARIS PANDUAN
**PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN
WARGA KOLEJ KOMUNITI**

Bahagian Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

2016

Penasihat

Datuk Dr Noor Aliyah Binti Ismail

Editor

Dr Sharol Lail Sujak

Edisi Pertama 2016

@Program Kesihatan Pergigian KKM dan Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti KPT
Hak cipta terpelihara, tiada bahagian dari
terbitan ini boleh diterbitkan semula,
disimpan dalam apa jua bentuk mekanikal
atau elektronik kecuali setelah mendapat
kebenaran penerbit

Pengkatalogan

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Garis Panduan PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN WARGA KOLEJ KOMUNITI

/ Editor Dr Sharol Lail Sujak

Diterbitkan oleh

Program Kesihatan Pergigian

Kementerian Kesihatan Malaysia

Aras 5, Blok E10, Komplek E, Precint 1

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62590 Putrajaya

Tel: 603-88834215

Faks: 603-88886133

Email: ohd@moh.gov.my

Website: <http://ohd.moh.gov.my>

Facebook: www.facebook.com/pergigiankkm

Blogspot: www.ohdmoh.blogspot.com

KANDUNGAN

Sekapur Sireh	iv
Seulas Pinang	v
1. PENGENALAN	1
2. LATAR BELAKANG	2
3. TINJAUAN KEPERPUSTAKAAN (<i>LITERATURE REVIEW</i>)	3
3.1 Karies Gigi	3
3.2 Masalah Penyakit Periodontium	4
3.3 Tabiat Merokok	4
4. RASIONAL	5
5. SKOP	5
6. OBJEKTIF	5
6.1 Objektif Am	5
6.2 Objektif Spesifik	6
7. STRATEGI	6
8. PELAKSANAAN PROGRAM	6
9. PERANCANGAN	7
10. HARI KESIHATAN PERGIGIAN KOLEJ KOMUNITI	9
10.1 Pendidikan Kesihatan Pergigian	9
10.2 Pemeriksaan dan Rawatan Kesihatan Pergigian	10
10.3 Pameran	10
10.4 Demonstrasi Latihan Memberus Gigi, Penggunaan Flos Gigi dan Pemeriksaan Mulut Sendiri	10
10.5 Cadangan Jadual Pelaksanaan Program Hari Kesihatan Pergigian Kolej Komuniti	11
10.6 Pelaksanaan Aktiviti	11
11. IKON GIGI REMAJA	14
11.1 Pengenalan	14
11.2 Definisi	15
11.3 Kriteria	15
11.4 Alat Bantu Mengajar	16
11.5 Fungsi dan Peranan	17
11.6 Pelaksanaan Program iGG-R	19

11.7	Carta Aliran Pelaksanaan iGG-R	20
11.8	Bengkel Untuk Memilih iGG-R	21
12.	PEMANTAUAN PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN WARGA KOLEJ KOMUNITI	22
12.1	Sebelum Pelaksanaan	22
12.2	Selepas Pelaksanaan	23
12.3	Ikon Gigi Remaja	23
13.	PENILAIAN PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN WARGA KOLEJ KOMUNITI	23
14.	PENGUKUHAN PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN WARGA KOLEJ KOMUNITI	24
15.	RUJUKAN	26
16.	LAMPIRAN	27
17.1	PERANCANGAN PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN WARGA KOLEJ KOMUNITI (TW1ST)	28
17.2	DATA PELAKSANAAN PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN UNTUK KOLEJ KOMUNITI	29
17.3	BORANG PEMERIKSAAN KESIHATAN PERGIGIAN UNTUK KOLEJ KOMUNITI	30
17.4	KOMPILASI PEMERIKSAAN KESIHATAN PERGIGIAN UNTUK KOLEJ KOMUNITI	31
17.5	BORANG KAJI SELIDIK UNTUK WARGA KOLEJ KOMUNITI	32
17.6	BORANG PENILAIAN HARI KESIHATAN PERGIGIAN WARGA KOLEJ KOMUNITI	35
17.7	LAPORAN AKTIVITI AHLI IGG-R	37
17.8	LAPORAN RINGKAS DAN PENILAIAN PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN WARGA KOLEJ KOMUNITI	40
17.	PENGHARGAAN	49



Seulas Pinang

Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Assalamualaikum WBT dan Salam Sihat 1Malaysia

Golongan remaja merupakan generasi pemimpin negara masa datang yang akan memacu kelangsungan negara supaya bangsa terus maju dan sejahtera. Untuk memastikan mereka berupaya memikul tanggungjawab sebagai pemimpin masa hadapan semestinya mereka perlu berilmu disamping mempunyai kesihatan fizikal dan mental yang baik. Kesihatan mulut adalah sebahagian dari kesihatan tubuh badan. Justeru itu keperluan mempunyai kesihatan mulut yang baik adalah penting.

Kerjasama strategik Bahagian Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia dengan Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi melalui Program Kesihatan Pergigian Warga Kolej Komuniti adalah satu kolaborasi “menang-menang” untuk kedua-dua agensi dalam melahirkan golongan remaja yang berilmu, dinamik dan sihat.

Akhirnya saya sentiasa berdoa semoga usaha murni ini akan dapat melahirkan generasi masa depan yang mantap dari segi ilmu, fizikal dan mental untuk membangunkan negara kita yang tercinta ini.

“Pemuda Harapan Bangsa, Pemudi Tiang Negara”.

Sekian, terima kasih.

Datuk Dr Noor Aliyah Binti Ismail
Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
Kementerian Kesihatan Malaysia



Sekapur Sireh

Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi

Assalamualaikum WBT dan Salam 1Malaysia

Program-program yang dilaksanakan di Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi merupakan nadi kepada pembentukan sahsiah dan keperibadian yang tinggi untuk melahirkan warga yang berilmu dan berpengetahuan.

Program yang dilaksanakan adalah selari dengan lonjakan kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) iaitu kecemerlangan bakat yang bertujuan untuk meningkatkan bakat komuniti akademik iaitu pelajar dan pensyarah agar menjadi lebih relevan, dirujuk dan dihormati.

Justeru, penerbitan Garis Panduan Program Kesihatan Pergigian Warga Kolej Komuniti dengan kerjasama antara Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti dengan Bahagian Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia adalah salah satu usaha yang penting untuk disebar luas serta memberi impak kepada golongan belia khususnya.

Saya amat percaya, penerbitan garis panduan ini dapat memberi kesedaran terutama kepada golongan belia tentang kesihatan pergigian seterusnya menjadi *role model* dalam kalangan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada semua pihak yang menjayakan penerbitan garis panduan ini.

Sekian, terima kasih.

PPj. Kehormat (PA) Dato' Amir Bin Md Noor
Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi

1. PENGENALAN

Program Perkhidmatan Pergigian Kerajaan bermula seawal tahun 1950 melalui perkhidmatan pergigian sekolah. Ia seterusnya diperluaskan kepada kumpulan sasaran iaitu murid pra sekolah, ibu mengandung, kanak-kanak keperluan khas, dewasa dan warga emas. Golongan belia tidak termasuk di dalam kumpulan sasaran ini dan terlalu sedikit maklumat yang diketahui berkaitan dengan kesihatan pergigian golongan ini.

Belia ditakrifkan sebagai golongan berumur diantara 15 hingga 29 tahun¹. Golongan ini meliputi 31.5% daripada populasi penduduk di Malaysia iaitu bersamaan 9.3 juta orang². Belia merupakan generasi pemimpin negara pada masa akan datang yang akan menentukan kelangsungan negara dan bangsa. Justeru dengan mensasarkan golongan belia, skop perkhidmatan pergigian dapat diperluaskan kepada satu pertiga daripada populasi yang selama ini tidak diliputi secara spesifik.

Malaysia menyediakan banyak peluang bagi golongan belia. Peluang-peluang ini diberi dengan harapan agar belia di Malaysia mampu memulakan hidup mereka sewaktu melangkah ke alam profesional. Salah satu institusi yang membuka peluang untuk belia melanjutkan pelajaran ialah Kolej Komuniti.

Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia merupakan institusi pendidikan yang menyediakan keperluan latihan dan kemahiran pada semua peringkat dan memberi peluang pendidikan kepada lepasan menengah sebelum ke pasaran tenaga kerja atau melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi. Kolej Komuniti mula beroperasi dengan sepuluh buah kolej perintis pada sesi Jun 2001 dan kini bilangannya semakin bertambah dengan liputan yang semakin meluas di seluruh negara.

Di antara objektif penubuhan Kolej Komuniti adalah untuk menyediakan pendidikan seumur hidup kepada individu dan masyarakat setempat bagi meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat dan memberi khidmat nasihat / kaunseling kepada masyarakat setempat bagi mempertingkatkan tahap pengetahuan dan perkembangan kerjaya mereka. Selaras dengan objektif ini,

golongan belia berpotensi bertindak sebagai agen perubahan dan *'role model'* kepada masyarakat. Atas alasan-alasan yang dinyatakan, Bahagian Kesihatan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk berkolaborasi dengan Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan kesihatan pergigian kepada golongan belia dapat direalisasikan.

Fokus pendidikan yang lebih ke arah teknikal dan vokasional menjadikan Kolej Komuniti sebagai pilihan para remaja seiring dengan keperluan negara maju.

2. LATAR BELAKANG

Perancangan untuk melaksanakan Program Kesihatan Pergigian untuk Warga Kolej Komuniti telah dimulakan pada awal tahun 2016 melibatkan perbincangan di antara Bahagian Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi.

Program yang disasarkan kepada pelajar dan kakitangan Kolej Komuniti ini diberikan nama gelaran Program **'TW1ST'** yang bermaksud *Transformation With 1 Smile Together*. Tema TW1ST adalah "Bersama dalam Satu Senyuman".

Semua Kolej Komuniti dan Warga Kolej Komuniti akan terlibat dalam Program Kesihatan Pergigian. Bahagian Kesihatan Pergigian pula akan membuat pemeriksaan dan rawatan pergigian setahun sekali bagi memastikan setiap pelajar Kolej Komuniti mempunyai tahap kesihatan pergigian yang baik. Di samping itu, beberapa orang pelajar akan dilantik sebagai sukarelawan dan diberikan dengan pengetahuan serta kemahiran berkenaan amalan penjagaan kesihatan pergigian. Sukarelawan di kalangan pelajar Kolej Komuniti pula akan bertindak sebagai agen dalam menjalankan aktiviti promosi kesihatan pergigian dikalangan rakan sebaya mereka.

3. TINJAUAN KEPERPUSTAKAAN (*LITERATURE REVIEW*)

Golongan remaja dan belia merupakan aset yang penting kepada sesebuah negara. Walaubagaimanapun sifat mereka yang suka bergaul dan suka mencuba menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan persekitaran. Oleh itu, mereka harus dibimbing dengan menerapkan unsur-unsur yang baik seperti menjaga kesihatan diri. Penerapan mesej kesihatan pergigian yang baik pada peringkat umur ini amat penting kerana golongan ini mudah dibentuk.

Masalah kesihatan pergigian seperti karies gigi dan penyakit periodontium masih merupakan masalah utama yang sering dihadapi oleh rakyat Malaysia tidak terkecuali golongan remaja dan belia.

Kajian menunjukkan, 30% daripada golongan dewasa menghadapi masalah kesihatan pergigian yang memberi impak kepada kualiti hidup³. Data daripada *National Oral Health Survey of Adults 2010* (NOHSA 2010) juga menunjukkan tujuh daripada sepuluh rakyat Malaysia pernah mengalami penyakit pergigian, malangnya 80% dari mereka tidak mengetahui bahawa mereka mempunyai masalah ini³.

3.1 Karies Gigi

Karies gigi masih merupakan salah satu daripada masalah utama penyakit pergigian yang perlu ditangani. Prevalens karies di kalangan orang dewasa di Malaysia adalah 88.9%. Tren karies ini semakin meningkat dengan meningkatnya umur. Prevalens karies di kalangan mereka yang berumur 15-19 tahun adalah 59%; meningkat kepada 69.7% bagi umur 20-24 tahun dan 83.6% di kalangan yang berumur 25-29 tahun³. Prevalens ini masih tinggi dibandingkan dengan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Britain.

3.2 Masalah Penyakit Periodontium

Penyakit Periodontium merupakan salah satu dari masalah pergigian dengan prevalens yang tinggi. Kajian dari NOHSA 2010 mendapati 94% daripada orang dewasa di Malaysia mengalami masalah periodontium³.

Prevalens penyakit periodontium mengikut umur adalah seperti berikut:-

- 90.4% di kalangan 15-19 tahun
- 95.2% di kalangan 20-24 tahun
- 97.1% di kalangan 25-29 tahun³

Secara kesimpulannya, sembilan dari sepuluh rakyat Malaysia mengalami penyakit periodontium³. Ini merupakan indikasi kepada penjagaan kesihatan pergigian diri yang kurang efektif di kalangan individu itu sendiri.

3.3 Tabiat Merokok

Kajian *National Health and Morbidity Survey 2015* (NHMS 2015) mendapati prevalens perokok semasa adalah 22.8%. Peratus ini menurun sedikit berbanding dengan data dari *Global Adult Tobacco Survey 2011* (23%)^{4,5}. Walaubagaimanapun, arah aliran merokok meningkat di kalangan remaja dan belia. Prevalens merokok di kalangan mereka yang berumur 18-19 tahun adalah 15%. Peratus ini meningkat di kalangan yang berumur 20-24 tahun iaitu 27.7% dan 29.8% di kalangan 25-29 tahun⁵.

Kajian oleh Iran Herman dan Saadah Yahya 2004, menunjukkan 45.1% remaja yang melepak di kafe siber adalah perokok. Seramai 20.6 peratus merokok di antara 1 hingga 12 batang sehari dan 3.9 peratus merokok 20 batang sehari⁶. Ini menunjukkan satu angka yang

amat membimbangkan bagi generasi belia yang perlu diambil serius oleh semua pihak.

4. RASIONAL

Kebanyakan penyakit pergigian adalah disebabkan oleh gaya-hidup. Memperkasakan individu dalam mengamalkan gaya hidup yang sihat dalam penjagaan kesihatan pergigian adalah cara yang paling berkesan untuk memastikan individu menjaga kesihatan pergigian mereka.

Program Kesihatan Pergigian Warga Kolej Komuniti bertujuan untuk menanam kesedaran warga belia tentang kesihatan pergigian dan peranan yang boleh mereka mainkan untuk meningkatkan taraf kesihatan pergigian secara holistik.

Pemilihan Kolej Komuniti dalam program ini dibuat berdasarkan liputannya yang meluas di seluruh Malaysia dengan populasi pelajar melebihi 19,000 orang. Ia merupakan hab pembelajaran bagi golongan belia yang merupakan kumpulan sasaran bagi program ini.

Kaedah kolaborasi adalah satu cara terbaik dalam menjalankan sesuatu program kerana ia akan memberikan impak yang besar kepada golongan sasaran. Dengan wujudnya program seumpama ini akan memberi dimensi baru kepada perkhidmatan kesihatan pergigian secara keseluruhan kerana ia dapat memberi input baru tentang keperluan dan kehendak kesihatan pergigian golongan belia.

5. SKOP

Garis panduan ini digunapakai untuk Program Kesihatan Pergigian Warga Kolej Komuniti di Kolej Komuniti.

6. OBJEKTIF:

6.1 Objektif Am

Memperkasakan pengetahuan pelajar-pelajar Kolej Komuniti terhadap peningkatan taraf kesihatan pergigian mereka dan seterusnya menjadi *role model* di dalam warga Kolej Komuniti itu sendiri.

6.2 Objektif Spesifik

Di akhir program ini adalah diharap remaja di Kolej Komuniti dapat:

- a) Meningkatkan pengetahuan mereka tentang kepentingan amalan penjagaan kesihatan pergigian.
- b) Pendedahan tentang aspek-aspek penjagaan kesihatan pergigian yang relevan secara langsung, interaktif dan menarik.
- c) Membina kemahiran dalam mengamalkan penjagaan kesihatan pergigian yang berkesan.
- d) Memastikan diri mereka mempunyai kesihatan pergigian yang optimum sepanjang hayat.
- e) Membudayakan kesihatan pergigian yang baik dalam membentuk budaya hidup sihat.

7. STRATEGI

Untuk menjayakan program ini, strategi-strategi berikut perlu diambil:

- Memberi maklumat yang tepat dan spesifik mengenai penjagaan kesihatan pergigian bagi memantapkan pengetahuan warga kolej komuniti tentang kepentingan amalan penjagaan kesihatan pergigian.
- Melatih sukarelawan di kalangan pelajar Kolej Komuniti untuk menjadi agen dalam menjalankan aktiviti kesihatan pergigian di kalangan rakan sebaya.

- Memberikan rawatan pergigian kepada semua pelajar Kolej Komuniti dimana apabila mereka meninggalkan kolej mereka akan mempunyai kesihatan pergigian yang optimum.

8. PELAKSANAAN PROGRAM

Program Kesihatan Pergigian Warga Kolej Komuniti dilaksanakan di semua Kolej Komuniti dan melibatkan semua pelajar. Bagi memenuhi objektif program, perancangan diadakan pada akhir tahun bagi aktiviti tahun berikutnya. Walaubagaimanapun, pelaksanaan adalah tertakluk kepada perbincangan antara pihak Pejabat Pergigian Daerah dan Kolej Komuniti yang berkaitan.

9. PERANCANGAN

Dua aktiviti yang perlu dijalankan dalam Program Kesihatan Pergigian Warga Kolej Komuniti ialah:

- Hari Kesihatan Pergigian Kolej Komuniti
- Ikon Gigi Remaja (iGG-R)

Membuat perancangan bersama pihak Kolej Komuniti berkaitan perkara-perkara berikut:


- Pembentukan Jawatankuasa Induk Program Kesihatan Pergigian Warga Kolej Komuniti (JIPWKK) yang terdiri daripada wakil Bahagian Kesihatan Pergigian dan Kolej Komuniti.
- Perancangan jadual program kesihatan pergigian untuk pelajar Kolej Komuniti dan mengemukakan maklumat kepada Bahagian Kesihatan Pergigian KKM.
- Memastikan jadual dimasukkan ke dalam takwim Kolej Komuniti dan Bahagian Kesihatan Pergigian (Negeri) di awal tahun.

Rajah 1: Proses Perancangan Program Kesihatan Pergigian Warga Kolej Komuniti

Bil	Aktiviti	Tindakan
1.	Mengenalpasti Kolej Komuniti di dalam negeri.	Penyelaras Pergigian Negeri
2.	Mengenalpasti Fasilitator Pergigian di setiap daerah.	Penyelaras Pergigian Negeri
3.	Mengenalpasti penyelaras Kolej Komuniti yang terlibat.	Pengarah Kolej Komuniti
4.	Menubuhkan Jawatankuasa Induk Program Kesihatan Pergigian Warga Kolej Komuniti yang akan membincangkan perancangan aktiviti: a. Hari Kesihatan Pergigian Kolej Komuniti b. Ikon Gigi Remaja (iGG-R) c. Laporan Program TW1ST Mesyuarat perlu diadakan sebelum Disember setiap tahun untuk: a. Tentukan tarikh pelaksanaan Hari Kesihatan Pergigian Kolej Komuniti. b. Dapatkan jumlah dan senarai nama pelajar Kolej Komuniti yang terlibat. Rancangkan aktiviti-aktiviti yang akan diadakan. (rujuk lampiran)	Pengerusi: Penyelaras Pergigian Negeri Ahli-ahli: Penyelaras Kolej Komuniti & Fasilitator Pergigian
	Mengemukakan maklumat penjadualan program ke Cawangan Promosi Bahagian Kesihatan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia dan Bahagian Pembangunan Pelajar JPKK sebelum 31 Januari setiap tahun menggunakan borang PWK01.	Penyelaras Pergigian Negeri
	Menjalankan taklimat kepada personel pergigian dan pengurusan Kolej Komuniti yang terlibat dengan pelaksanaan program di peringkat kolej mengenai :	Fasilitator Pergigian & Penyelaras Kolej Komuniti

	a. Prosedur pelaksanaan program Hari Kesihatan Pergigian. b. Kandungan maklumat kesihatan pergigian. (lampiran)	
--	--	--

Rajah 2: Carta Alir Perancangan dan Pelaksanaan Program Kesihatan Pergigian Warga Kolej Komuniti



10. HARI KESIHATAN PERGIGIAN KOLEJ KOMUNITI

Hari Kesihatan Pergigian Kolej Komuniti juga dikenali sebagai TW1ST *ORAL HEALTH DAY* yang akan melibatkan semua warga Kolej Komuniti di Kolej Komuniti di seluruh Malaysia. Program ini akan memastikan semua pelajar Kolej Komuniti mencapai tahap *orally fit* dengan mendapatkan pemeriksaan dan rawatan pergigian sekali dalam tempoh pengajian mereka.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah:

10.1 Pendidikan Kesihatan Pergigian

Aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pelajar mengenai kepentingan kesihatan pergigian yang akan diberikan oleh pegawai pergigian dan dibantu oleh iGG-R.

Kandungan Pendidikan Kesihatan Pergigian meliputi perkara tentang Maklumat Asas Kesihatan Pergigian dan Gaya Hidup Sihat.

10.2 Pemeriksaan dan Rawatan Kesihatan Pergigian

Semua pelajar Kolej Komuniti yang terlibat perlu menjalani pemeriksaan dan rawatan kesihatan pergigian sekali dalam tempoh pengajian semasa program ini dijalankan. Antara perkara-perkara yang perlu diberi perhatian:

- Rekod pemeriksaan dan rawatan ke dalam borang PWK03.
- Rujuk untuk rawatan lanjutan ke klinik berdekatan jika perlu.
- Sediakan laporan hasil pemeriksaan untuk diberikan kepada pihak kolej dan Bahagian Kesihatan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia.

10.3 Pameran

Pameran diadakan untuk menjelaskan maklumat yang disampaikan semasa sesi pendidikan kesihatan pergigian dan untuk memberi panduan kepada pelajar secara praktikal tentang penjagaan kesihatan pergigian. Di antara perkara yang perlu diambil perhatian semasa pameran adalah:

- Pemilihan tempat dan jenis pameran yang sesuai.
- Menggalakkan pelajar melawat pameran.
- Kehadiran personel pergigian untuk memberi penerangan.

10.4 Demonstrasi Latihan Memberus Gigi, Penggunaan Flos Gigi dan Pemeriksaan Mulut Sendiri

Aktiviti ini membolehkan pelajar mengetahui cara memberus gigi dan memflos gigi dengan berkesan. Selain itu, pelajar juga boleh menjalankan pemeriksaan mulut sendiri untuk pengesanan awal lesi mulut. Aktiviti ini dilakukan secara tunjuk ajar oleh Ikon Gigi Remaja.

10.5 Cadangan Jadual Pelaksanaan Program Hari Kesihatan Pergigian Kolej Komuniti.

Rajah 3: Jadual Pelaksana Program Hari Kesihatan Pergigian Kolej Komuniti

Masa	Aktiviti
08.00 am - 08.30 am	Pendaftaran
08.30 am - 08.45 am	Pre Test Kaji Selidik Untuk Warga Kolej Komuniti
08.45 am - 09.30 am	Ceramah 1: Maklumat Asas Kesihatan Pergigian
09.30 am - 09.45 am	Rehat
09.45 am - 10.30 am	Ceramah 2: Gaya Hidup Sihat – Remaja Tampil Bergaya Dalam 1 Senyuman
10.30 am - 10.45 am	Sesi Soal Jawab
10.45 am - 01.00 pm	Pemeriksaan dan rawatan pergigian
01.00 pm - 02.00 pm	Rehat / Makan Tengah Hari
02.00 pm - 02.30 pm	Demonstrasi latihan memberus gigi, penggunaan flos dan pemeriksaan amalan sendiri (MSE)
02.30 pm - 05.00 pm	Persembahan dari warga Kolej Komuniti / pertandingan (poster / video / fotografi)

*Tempoh masa / hari program tertakluk kepada jumlah bilangan pelajar yang akan terlibat.

10.6 Pelaksanaan Aktiviti

Rajah 4: Pegawai yang bertanggungjawab untuk setiap aktiviti:

Bil.	Aktiviti	Tindakan
1.	a. Ceramah diberi oleh Pegawai Pergigian. b. Tetapkan 2 sesi ceramah (45 minit setiap sesi) berdasarkan sukatan Modul iGG-R. c. Pastikan kaedah penyampaian yang efektif dan menarik: • Gunakan pendekatan yang sesuai. • Gunakan pendekatan interaktif dan galakkan penyertaan aktif peserta. • Pastikan maklumat lengkap, tepat dan bersesuaian. d. Lakukan <i>pre test</i> dan <i>*post test</i> kepada pelajar yang terlibat pada Hari Kesihatan Pergigian Kolej Komuniti. <i>*Post test</i> dilakukan selepas 2 minggu pelaksanaan Hari Kesihatan Pergigian Kolej Komuniti oleh iGG-R. <i>*Borang post test</i> perlu diserahkan kepada fasilitator dan hasil analisa dihantar kepada Penyelaras Negeri. e. Rekod maklumat dalam borang PKP 101.	Pegawai Pergigian iGG-R Fasilitator Pergigian Personel Pergigian
2.	Pemeriksaan dan rawatan pergigian. a. Pemeriksaan dan rawatan pergigian direkodkan ke dalam Kad LP8. Seterusnya maklumat di rekod dalam borang PWK03 dan PWK04. b. Rujuk untuk rawatan lanjutan ke klinik berdekatan jika perlu. c. Sediakan laporan hasil pemeriksaan untuk diberikan kepada pihak kolej dan Bahagian	Pegawai Pergigian Fasilitator

	Kesihatan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia. (rujuk borang PWK04)	Pergigian
3.	Pameran. a. Tentukan ruang pameran. Pilih tempat pameran yang sesuai dimana dapat menarik perhatian warga Kolej Komuniti. b. Adakan pameran dengan menggunakan bahan-bahan dari unit promosi kesihatan pergigian. c. Personel pergigian hadir untuk memberi penerangan mengenai bahan pameran kepada warga Kolej Komuniti. d. Rekod aktiviti dalam borang PKP 101 / 201.	Penyelaras Kolej Komuniti / Fasilitator Pergigian
4.	Demonstrasi latihan memberus gigi (LMG) dan penggunaan flos dan Pemeriksaan Mulut Sendiri (MSE). a. Sediakan bahan-bahan dan peralatan seperti: • Model gigi • Pewarna plak • Flos gigi • Cermin muka • Video LMG / Persembahan LMG b. Tetapkan tempat yang sesuai. c. Agihkan pelajar kepada beberapa kumpulan. d. Buat demonstrasi LMG dan penggunaan flos / pewarna plak (jika ada) MSE. e. Rekod aktiviti dalam borang PKP 101 / 201. *Aktiviti LMG boleh dilakukan mengikut kreativiti Fasilitator Pergigian / iGG-R.	Penyelaras Kolej Komuniti Fasilitator Pergigian iGG-R Pelajar
5.	Aktiviti Pelajar Kolej Komuniti. a. Penyelaras kolej komuniti perlu merancang aktiviti bertemakan “Dalam Satu Senyuman” seperti: • Pertandingan poster • Pertandingan video pergigian • Pertandingan fotografi	Penyelaras Kolej Komuniti iGG-R

	• LMG berirama • Parodi / pentomin / bercerita / busker • Pertandingan inovasi dan reka cipta • Kuiz Kesihatan Pergigian	Pelajar
	b. Semua pelajar digalakkan untuk menyertai aktiviti aktiviti yang dirancang. c. Hadiah / cenderamata / sijil penyertaan disediakan kepada pelajar yang terlibat.	Fasilitator Pergigian /Penyelaras Kolej Komuniti

11 IKON GIGI REMAJA

11.1 Pengenalan

Bahagian Kesihatan Pergigian akan melatih sukarelawan dari kalangan pelajar Kolej Komuniti tentang kesihatan dan amalan kesihatan pergigian yang dikenali sebagai Ikon Gigi Remaja (iGG-R).

Tujuan iGG-R ini adalah untuk membina jaringan sukarelawan pergigian yang mahir tentang kesihatan pergigian dan cara penjagaan kesihatan pergigian untuk disampaikan kepada rakan-rakan mereka.

Untuk memastikan keberkesanan Promosi Kesihatan Pergigian melalui khidmat iGG-R, pelajar akan dilatih dan dibekalkan dengan alat bantuan mengajar bagi menyampaikan maklumat kepada warga Kolej Komuniti lain.

Sebagai tanda pengenalan diri, iGG-R turut dibekalkan dengan dengan *vest* dan *button badge*. Penglibatan pelajar di dalam program ini juga merupakan satu nilai tambah bagi ko-kurikulum mereka.

IGG-R akan memupukkan mesej berdasarkan dari modul yang dibina oleh Bahagian Kesihatan Pergigian berdasarkan keperluan golongan remaja.

11.2 Definisi

- a) **Penyelaras Pergigian Kolej Komuniti Peringkat Negeri**
Pegawai Pergigian yang dilantik oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) yang bertanggungjawab menyelaras dan memantau pelaksanaan program.
- b) **Fasilitator Pergigian**
Pegawai Pergigian yang dilantik oleh Penyelaras Pergigian dengan kelulusan TPKN (Pergigian) untuk membimbing dan memantau iGG-R.
Merupakan Pegawai Pergigian dari klinik pergigian yang berhampiran dengan kolej.
- c) **Penyelaras Kolej Komuniti**
Penyelaras Kolej Komuniti yang dilantik oleh Pengarah Kolej Komuniti dan merupakan Pegawai Pembangunan Pelajar / penyelaras / pensyarah yang akan menyelaras pelaksanaan program iGG-R di Kolej Komuniti.
- d) **Ikon Gigi Remaja**
Wakil pelajar Kolej Komuniti merupakan sukarelawan yang akan bertindak sebagai pemudah cara untuk meningkatkan kesedaran warga Kolej Komuniti dan masyarakat berkenaan kepentingan kesihatan pergigian.

11.3 Kriteria

- a) **Fasilitator Pergigian dan Penyelaras Pergigian Kolej Komuniti:**
Ciri-ciri Fasilitator Pergigian adalah di antara berikut:
 - Perkhidmatan > 3 tahun.
 - Percaya kepada kebolehan orang lain.
 - Penyabar dan sudi mendengar.
 - Terbuka untuk belajar kemahiran baru.
 - Berkeyakinan diri dan tidak angkuh.

- Mengaplikasikan pertimbangan akal untuk disesuaikan mengikut keadaan.
- Menghormati pendapat orang lain.
- Mempunyai pemikiran kreatif dan inovatif.
- Fleksibel dalam mengubah suai teknik, 'mood' dan aktiviti mengikut keperluan (tidak *rigid*).
- Berminat (*passionate*) dalam aktiviti promosi kesihatan pergigian.

b) Ahli iGG-Remaja:

Pemilihan sukarelawan iGG-R adalah dari kalangan pelajar Kolej Komuniti semester 2 dan ke atas.

Pelajar Kolej Komuniti yang dipilih sebagai sukarelawan iGG-R perlulah mempunyai ciri-ciri berikut:

- Penyabar dan sudi mendengar.
- Terbuka untuk belajar kemahiran baru.
- Berkeyakinan diri dan tidak angkuh.
- Mengaplikasikan pertimbangan akal untuk disesuaikan mengikut keadaan.
- Menghormati pendapat orang lain.
- Mempunyai pemikiran kreatif dan inovatif.
- Fleksibel dalam mengubah suai teknik, 'mood' dan aktiviti mengikut keperluan (tidak *rigid*).
- Berminat (*passionate*) dalam aktiviti promosi kesihatan pergigian.

11.4 Alat Bantu Mengajar

a) Modul

Bagi memudahkan iGG-R menyampaikan maklumat kesihatan pergigian, modul yang telah dibangunkan akan digunakan sebagai sumber rujukan iGG-R.

Enam (6) modul tersebut ialah:

- i. Skop pengenalan
- ii. Kenali Gigi Anda
- iii. Ketahui Masalah Pergigian
- iv. Penjagaan Pergigian dan Pencegahan
- v. Tampil Bergaya Dalam Satu Senyuman
- vi. Rokok Merosakkan Diri

